“(c) that the said banker, dealer, insurer or Bursa Malaysia do pay on the 1st day of each calendar month in each year to the Collector the amount due and collected thereon as duties on such unstamped cheques, contract notes, policies of insurance or rights subscription forms, and where he fails to pay the amount due on each date specified or within fourteen days immediately thereafter, he shall in addition to the amount due pay a further amount of two hundred ringgit or ten per centum of the amount due whichever is the greater and any amount due shall be recoverable as a debt due to the Government;”;

(f) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “or insurer” perkataan “, insurer or Bursa Malaysia ”;

(g) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Cheques, contract notes, policies of insurance or rights subscription forms drawn or drawn up and issued on forms supplied or adopted by such banker, dealer, insurer or Bursa Malaysia in accordance with this section shall be deemed to be duly stamped.”;

(h) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Where a banker, dealer, insurer or Bursa Malaysia has been authorized to compound for the payment of duty on unstamped cheques, contract notes, policies of insurance or rights subscription forms as provided in subsection (1), the Collector or any person authorized

by him in writing, may at all reasonable times, inspect any stocks of unstamped cheques, contract notes, policies of insurance or rights subscription forms held by the banker, dealer, insurer or Bursa Malaysia and any books, records and documents kept by him in connection with the issue of such cheques, contract notes or policies of insurance, or supply of such rights subscription forms.”; dan

- (i) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) For the purpose of subsection (3), the banker, dealer, insurer or Bursa Malaysia shall keep and retain the books, records and documents in connection with the issue of such cheques, contract notes or policies of insurance or supply of such rights subscription forms for a period of seven years from the year in which such cheques, contract notes, policies of insurance are issued or rights subscription forms are supplied.”.

Pindaan Jadual Pertama

31. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subbutiran 2(iii), dengan memotong perkataan “or of the Malayan Railway”;
- (b) dalam subbutiran 2(iv), dengan memotong perkataan “or of the Malayan Railway”;
- (c) dalam butiran 23—
- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “or of the Malayan Railway”; dan
- (ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
- “(b) Bond for securing the refund to Government of amounts overpaid to persons appointed by Government officers to receive their salary or allowance when absent on leave.”;
- (d) dalam butiran 32, di bawah “*Exemptions*”, dalam subperenggan (b)(v), dengan memotong perkataan “or of the Malayan Railway”;

- (e) dalam perenggan 1, di bawah “GENERAL EXEMPTIONS”, dengan memotong perkataan “or the Malayan Railway” di mana-mana jua terdapat; dan
- (f) dalam perenggan 6, di bawah “GENERAL EXEMPTIONS”, dengan memasukkan selepas perkataan “the Labuan Financial Services Authority” perkataan “, the Malaysia Co-operative Societies Commission”.

Pindaan Jadual Kedua

32. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan butiran 19 dengan butiran yang berikut:

<p>“19 ANY BOND furnished to the Director General of Immigration in connection with the grant of any pass or permit issued under the Immigration Act 1959/63 [Act 155]</p>	<p>An immigration officer”; dan</p>
--	---

- (b) dengan memasukkan selepas butiran 19 butiran yang berikut:

<p>“19A EMPLOYMENT CONTRACT issued to the Immigration Department for the purpose of securing a pass</p>	<p>An immigration officer”.</p>
---	---------------------------------

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

33. Bab ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Pindaan Jadual 2

34. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dipinda dalam subperenggan 3(g) Jadual 2 dengan memasukkan selepas perkataan “Bank Negara” perkataan “, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia”.

BAB V**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LABUAN 1990****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan 1990**

35. Bab ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Januari 2011.

Pindaan seksyen 22A

36. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dipinda dalam seksyen 22A—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “perkiraan pencukaian dua kali” perkataan “atau perkiraan pertukaran maklumat percukaian”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

“perkiraan pencukaian dua kali” ertinya suatu perkiraan antara Kerajaan Malaysia dengan mana-mana Kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia di bawah seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan 1967;

“perkiraan pertukaran maklumat percukaian” ertinya suatu perkiraan antara Kerajaan Malaysia dengan mana-mana Kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia di bawah seksyen 132A Akta Cukai Pendapatan 1967.”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2009

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2009

37. Bab ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.

Pindaan seksyen 3

38. Akta Kewangan 2009 dipinda dalam subseksyen 3(5) dengan menggantikan perkataan “31 Disember 2011” dengan perkataan “31 Disember 2016”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”) dan Akta Kewangan 2009 (“Akta 693”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperluas takrif “approved scheme” supaya merangkumi skim persaraan swasta.

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan takrif baru “private retirement scheme” iaitu skim persaraan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

Fasal 4 selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen 2(8) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa skim pembiayaan yang disebut dalam subseksyen itu diperluas kepada skim pembiayaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut prinsip-prinsip Syariah sebagai tambahan kepada surat cara yang diluluskan oleh Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) Akta 53 untuk memperluas kadar cukai sebanyak 10% atas mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada pemegang unit yang merupakan pelabur institusi asing dan pemegang unit yang bukan pemastautin untuk tempoh lima tahun dari tahun taksiran 2012.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda proviso kepada perenggan 6A(2)(c) Akta 53 yang berbangkit daripada kemasukan Bahagian XV Jadual 1 kepada Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 34B(4)(c) Akta 53. Cadangan pindaan itu bertujuan untuk menjelaskan bahawa hanya suatu “syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak” dan “syarikat penyelidikan dan kemajuan” seperti yang ditakrifkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian yang berkaitan adalah layak untuk menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34B Akta itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 39(3) baru ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, perenggan-perenggan 39(1)(f), (i) dan (j) Akta 53 tidak terpakai kepada pembayar yang gagal untuk memegang cukai seorang yang bukan pemastautin di bawah seksyen 107A, 109 atau 109B Akta dalam kes jika pendapatan pembayar daripada semua punca dikecualikan sepenuhnya di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 45(5) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa seorang individu dibenarkan untuk membuat pilihan dalam suatu penyata yang dikemukakan menurut perenggan 77(1) Akta itu untuk ditaksirkan atas nama pasangannya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda perenggan 49(1)(a) Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, seorang individu pemastautin layak untuk suatu potongan amaun agregat pembayaran atau caruman yang dibuat di bawah subseksyen 49(1) sehingga RM6,000 yang tidak termasuk pembayaran anuiti tertunda.

Fasal 10 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 49(1D) dan (1E) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seorang individu pemastautin layak untuk amaun potongan tambahan sehingga RM3,000 berkenaan dengan jumlah pembayaran anuiti tertunda selain polisi insuran dan caruman yang dibuat kepada skim persaraan swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 54A Akta 53. Sebelum pindaan, pendapatan statutori seorang pemastautin yang menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo, atau menyewakan kapal Malaysia yang dimilikinya dikecualikan daripada cukai. Dengan pindaan yang dicadangkan, pendapatan statutori orang itu daripada perniagaan setiap kapal Malaysianya dianggap sebagai punca berasingan dan tujuh puluh peratus pendapatan statutorinya daripada setiap kapal dikecualikan daripada cukai. Baki tiga puluh peratus pendapatan statutori itu dikenakan cukai dan disifatkan sebagai jumlah pendapatan orang itu. Mana-mana kerugian larasan daripada operasi suatu kapal Malaysia bagi suatu tahun taksiran dibawa ke hadapan dan dibenarkan untuk mengurangkan pendapatan yang dikecualikan bagi orang itu daripada kapal yang sama dalam tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 60(10A) Akta 53. Sebelum pindaan, apa-apa kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap daripada perniagaan dana hayat dan perniagaan lain suatu penanggung insurans dibenarkan untuk toalkan daripada perniagaan statutori dana hayat penanggung insurans itu. Dengan pindaan yang dicadangkan, hanya kerugian larasan daripada perniagaan dana hayat bagi suatu tahun taksiran dibenarkan untuk dipotong daripada pendapatan statutori dana hayat penanggung insurans itu bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga digunakan sepenuhnya.

Fasal 12 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen 60(10D) baru ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, kerugian larasan daripada perniagaan dana hayat suatu penanggung insurans bagi suatu tahun taksiran tidak boleh dipotong daripada agregat pendapatan statutori daripada punca lain selain dana hayat bagi tahun taksiran yang berkaitan dan apa-apa kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap daripada punca selain perniagaan dana hayat bagi tahun taksiran yang berkaitan tidak boleh dipotong daripada pendapatan statutori dana hayat penanggung insurans itu bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 67(4A) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, Ketua Pengarah boleh melantik seorang ejen tanpa membuat suatu taksiran terhadap ejen itu untuk mendapatkan semula mana-mana cukai yang perlu dibayar oleh prinsipal daripada mana-mana wang yang boleh diperoleh yang dipegang oleh ejen itu. Wang yang boleh diperoleh itu tidak termasuk wang yang dipegang dalam jagaan dan kawalan ejen itu bagi pihak prinsipal.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 80(1B) baru ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa Ketua Pengarah mempunyai akses kepada data komputer yang disimpan dalam komputer.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

12. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 81 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk meminta daripada mana-mana orang untuk menyediakan apa-apa maklumat atau dokumen yang di bawah kawalan atau pemilikan orang itu di dalam atau luar wilayah bidang kuasa Malaysia.

Fasal 15 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen 81(2) baru ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengabaikan apa-apa maklumat atau butiran yang dikemukakan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen 83A baru ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, suatu syarikat mesti menyediakan dan menghantar sesalinan borang yang ditetapkan kepada ejen, pengedar atau pengagihnya yang mengandungi butir-butir bayaran yang dibuat dalam bentuk wang atau sebaliknya dan butir-butir lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah tidak lewat dari 31 Mac pada setiap tahun. Syarikat itu hendaklah menyimpan salinan asal borang yang ditetapkan itu supaya mudah diakses oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

14. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subseksyen 97A(1) Akta 53. Sebelum pindaan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan pemberitahuan untuk memaklumkan bahawa tiada taksiran dibuat terhadap seseorang sekiranya orang itu tidak mempunyai pendapatan dalam satu tahun taksiran, dan pemberitahuan itu disifatkan sebagai satu notis taksiran bagi maksud rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Dengan pindaan yang dicadangkan, Ketua Pengarah boleh juga mengeluarkan satu pemberitahuan dalam keadaan jika tiada taksiran dibuat terhadap orang itu disebabkan pengecualian di bawah Akta itu atau Akta

Penggalakan Pelaburan 1986, atau jika terdapat taksiran berkenaan pendapatan orang itu daripada punca bukan perniagaan tetapi tidak mempunyai pendapatan statutori daripada punca perniagaannya. Pemberitahuan itu juga disifatkan sebagai satu notis taksiran bagi maksud rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

15. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 106(4) baru ke dalam Akta 53 untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meremit faedah atas penghakiman hutang yang diberikan oleh mahkamah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen 107D baru ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan itu, Ketua Pengarah diberikan kuasa untuk mengarahkan seseorang untuk membuat bayaran secara ansuran berkenaan dengan cukai dalam borang yang ditetapkan jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai orang itu gagal mengemukakan suatu penyata di bawah Akta atau membuat penyata yang tidak betul atau memberikan maklumat yang tidak betul berhubung kebolehkenaan cukainya. Arahan itu boleh dikeluarkan kepada orang itu sebelum taksiran atau taksiran komposit dibuat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 109E(4) Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa penalti disebabkan gagal membayar cukai yang dipotong di bawah subseksyen itu adalah menyamai sepuluh peratus daripada amaun yang tidak dibayar.

Pindaan ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan seksyen 111D baru ke dalam Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, seseorang berhak untuk mendapat suatu pampasan jika pembayaran balik cukai kena dibayar yang terlebih bayar dibuat selepas sembilan puluh hari dari tarikh penyata dikemukakan di bawah Akta melalui transmisi elektronik atau seratus dua puluh hari dari tarikh penyata dikemukakan dengan cara selain transmisi elektronik. Amaun pampasan dikira menurut formula yang dinyatakan dalam seksyen itu dan pampasan itu hanya terpakai kepada cukai kena dibayar yang terlebih bayar berkenaan dengan suatu penyata yang dikemukakan di bawah seksyen 77 atau 77A. Jika pampasan itu dibayar secara salah atau tidak sepatutnya dibayar kepada orang itu, orang itu dikehendaki untuk membayar balik amaun itu kepada Ketua Pengarah bersama-sama dengan penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun yang tidak sepatutnya dibayar itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda perenggan 120(1)(b) Akta 53 yang berbangkit daripada kemasukan seksyen 83A ke dalam Akta 53 berhubung dengan kegagalan suatu syarikat untuk mengemukakan butir-butir bayaran (sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya) yang dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagihnya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

20. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda subseksyen 134(1A) Akta 53 yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 6A Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*].

Fasal 23 selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen 134(2) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pelantikan pegawai di bawah subseksyen itu adalah oleh Lembaga kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya pindaan kepada seksyen 6A Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*].

21. *Perenggan 24* bertujuan untuk memasukkan Bahagian XV baru ke dalam Jadual 1 kepada Akta 53. Dengan kemasukan Bahagian baru ini, pendapatan penggajian seorang pemastautin yang diluluskan, dikenakan cukai pada kadar 15%. Menteri akan menentukan orang yang diluluskan itu melalui kaedah di bawah Akta ini.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

22. *Subfasal 26(a)* bertujuan untuk meminda proviso pada perenggan 3 Jadual 7A Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengeluarkan projek yang layak yang terletak di dalam Negeri Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Perlis, Koridor Timur Semenanjung Malaysia dan kawasan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari masa ke masa daripada pemakaian proviso itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 26(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 7(b), (d) dan (e) Jadual 7A kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat yang dalam tempoh asas diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang tempoh pelepasan cukainya belum berakhir di bawah Akta Insentif Pelaburan 1968 atau layak untuk kredit cukai pelaburan di bawah Akta Insentif Pelaburan 1968, atau diberikan kelulusan untuk aktiviti pengilangan atau produk pengilangan, tidak layak untuk menuntut elaun pelaburan semula dalam tempoh tersebut.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subfasal 26(c) bertujuan untuk memasukkan takrif baru “factory” ke dalam perenggan 9 Jadual 7A kepada Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, suatu syarikat layak untuk menuntut elaun pelaburan semula atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas suatu bangunan atau peluasan bangunan itu yang digunakan bagi maksud projek yang layak jika bangunan atau peluasan bangunan itu digunakan untuk menempatkan loji atau jentera atau menyimpan bahan mentah, atau barang atau bahan yang dikilang sebelum dijual. Walau bagaimanapun, dalam kes jika bahagian bangunan atau peluasan itu digunakan untuk menyimpan bahan mentah, barang atau bahan, bahagian bangunan atau peluasan yang digunakan untuk penyimpanan itu mestilah tidak melebihi satu per sepuluh daripada jumlah ruang lantai bangunan atau peluasan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PELBAGAI

Bahagian II Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

23. *Fasal 28* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana baki elaun bagi tahun taksiran 2011 yang ditentukan berdasarkan formula di bawah fasal itu hendaklah dibuat kepada seseorang dalam menentukan pendapatan statutori orang itu berkenaan dengan suatu kapal Malaysia bagi tahun taksiran 2012. Apa-apa elaun yang tidak dapat diserap yang dibawa ke hadapan hendaklah digunakan terhadap pendapatan larasan orang itu untuk tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya daripada kapal yang sama.

Fasal 28 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana kerugian larasan bagi tahun taksiran 2011 yang ditentukan berdasarkan formula di bawah fasal itu akan dibawa ke hadapan dan hendaklah digunakan terhadap pendapatan statutori orang itu yang dikecualikan bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya berkenaan dengan kapal yang sama.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

24. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 378. Dengan pindaan yang dicadangkan, kuasa untuk mengkompaun bayaran duti setem berhubung dengan surat cara borang hak langganan diberikan kepada Bursa Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

25. *Subfasal 31(a), (b), (c), (d) dan (e)* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama pada Akta 378 lanjutan daripada penubuhan “Malayan Railway” sebagai Keretapi Tanah Melayu Berhad.

Subfasal 31(f) bertujuan untuk meminda perenggan 6 di bawah GENERAL EXEMPTIONS kepada Jadual Pertama pada Akta 378. Dengan pindaan, suatu surat cara yang dilaksanakan menurut skim pembiayaan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut prinsip-prinsip Syariah dikecualikan daripada duti setem.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

26. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua pada Akta 378. Dengan pindaan, seorang pegawai imigresen diberikan kuasa untuk membatalkan setem pelekat berkenaan dengan surat cara berhubung dengan mana-mana bon atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*] dan juga surat cara kontrak pekerjaan yang dikeluarkan kepada Jabatan Imigresen.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

27. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda Jadual Kedua kepada Akta 169. Dengan pindaan yang dicadangkan, suatu harga pelupusan berkaitan dengan mana-mana pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah disifatkan bersamaan dengan harga pemerolehan sekiranya pelupusan itu dibuat menurut suatu skim pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia menurut prinsip-prinsip Syariah.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2012.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

28. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda perenggan 22A(1)(a) Akta 445 untuk membenarkan penzahiran maklumat berhubung dengan perjanjian pertukaran maklumat percukaian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan mana-mana Kerajaan yang di luar wilayah Malaysia.

Pindaan ini disifatkan berkuat kuasa pada 28 Januari 2011.

AM

29. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2826]